



18 JUN, 2025

Peluasan SST bebankan rakyat - Muhyiddin



Sinar Harian, Malaysia

Peluasan SST

bebankan rakyat -

Muhyiddin

KUALA LUMPUR – Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa kerajaan membatalkan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta cadangan kenaikan tarif elektrik yang disifatkan sebagai beban baharu terhadap rakyat.

“Saya menggesa peluasan skop SST dan cadangan kenaikan tarif elektrik dibatalkan. Kerajaan mesti cari kaedah lain untuk atasi masalah fiskal negara, bukan dengan berterusan bebankan rakyat,” katanya.

Beliau mempersoalkan tindakan kerajaan Madani yang memperluaskan SST secara drastik sehingga lebih 90 peratus barangan dikenakan cukai termasuk barangan asas seperti gula, garam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

“Daripada 8,094 barangan yang sebelum ini dikecualikan daripada SST, kini hanya tinggal 1,813 barangan sahaja. Buah epal, pisang dan oren pun dikenakan cukai. Ini bukan makanan orang kaya, ini makanan rakyat biasa,” katanya.

Tambahnya, kerajaan kini dilihat tergesa-gesa memungut hasil tambahan sebanyak RM10 bilion menerusi peluasan cukai tanpa melalui proses libat urus atau perbincangan Parlimen.

“Ke manakah hasil RM10 bilion ini akan dibelanjakan? Kenapa kerajaan tidak menunggu sehingga pembentangan Bajet 2026 supaya ahli-ahli Parlimen boleh membahaskan rasional peluasan cukai ini?” soalnya.

Dalam kenyataan sama, Muhyiddin turut mempersoalkan cadangan kenaikan tarif elektrik meskipun Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatat keuntungan bersih RM1.04 bilion pada suku pertama 2025 peningkatan sebanyak 53.5 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.



MUHYIDDIN